



KENYATAAN MEDIA PRESIDEN PEKA MALAYSIA

TIDAK MELANJUTKAN LESEN LYNAS SEKALI LAGI

Maklumbalas dari Pertubuhan Pelindung Khazanah Alam Malaysia (PEKA) dalam kenyataannya tindakan kerajaan persekutuan untuk menghadkan lesen Lynas kepada tempoh 6 bulan dan mengenakan syarat-syarat ke atasnya adalah satu langkah permulaan untuk menangani masalah alam sekitar yang lebih serius.

Desakan kerajaan bahawa Lynas mesti memindahkan proses “cracking and leaching” yang sedang dijalankan di kilangnya di Gebeng, Kuantan, ke luar negara menunjukkan betapa teruknya kesan dari aktiviti di kilang Lynas ini terhadap alam sekitar. Jelaslah sekarang dakwaan Lynas bahawa bahan buangan yang dihasilkannya tidak membahayakan manusia dan alam sekitar adalah tidak benar sama sekali.

PEKA memandang perkembangan ini sebagai bukti bahawa perjuangan kumpulan alam sekitar dan penentang yang lain terhadap Lynas sememangnya wajar. Lynas telah menggadaikan alam sekitar Malaysia dan harus menghentikan keseluruhan operasinya.

Walaupun penyelesaian untuk masalah jangka panjang ini akan mengambil masa, persoalan dan keraguan tentang Lynas masih tak terjawab.

Apa yang akan berlaku selepas tempoh 6 bulan?

Bagaimanakah Lynas akan dipantau untuk memastikan bahawa semua syarat dipatuhi dan apakah penalti yang akan dikenakan sekiranya Lynas gagal mematuhi syarat dalam jangka masa yang ditetapkan?

Tambahan pula, apakah yang akan terjadi kepada timbunan sisa radioaktif WLP yang kini terkumpul melebihi 580,000 tan di kemudahan simpanan sedia ada?

Sekiranya Lynas memang ikhlas tentang isu alam sekitar di Malaysia, ia bukan saja akan mematuhi syarat tetapi akan mengambil tindakan yang menyeluruh untuk menangani isu ini. Hakikatnya, Lynas tetap dengan pendiriannya bahawa operasinya adalah selamat dan tidak membahayakan alam sekitar.



PERTUBUHAN PELINDUNG KHAZANAH ALAM MALAYSIA
ORGANIZATION FOR THE PRESERVATION OF NATURAL HERITAGE MALAYSIA

(Reg. Num. PPM-028-10-24022011)

No15, Jalan Akuafik 13/77c, D'kayangan, Seksyen 13, 40100 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan, Malaysia
Tel : +6 03-5512 1006 | Fax : +6 03-5511 1669 | Email : hello@pekamalaysia.org | website: www.ppekamalaysia.org

Oleh itu, kami menyeru kerajaan supaya meningkatkan usaha untuk menyelesaikan isu alam sekitar ini dengan tidak membaharui lesen Lynas selepas tamat tempoh 6 bulan ini dan memberhentikan segala aktiviti yang dijalankan sebelum bencana alam sekitar melanda.

Sekiranya sesuatu yang tidak dijangka berlaku akibat dari projek Lynas, sudah pasti ianya satu malapetaka yang lebih serius daripada bencana lain seperti pencemaran Sungai Kim Kim baru ini. Kesan negatifnya akan lebih ketara dan mungkin tidak boleh diselesaikan walaupun dalam jangkamasa panjang.

Sebagai rakyat Malaysia, kita seharusnya memastikan bahawa perkara ini tidak berlaku kepada negara kita.

TAMAT

PUAN SRI TO' PUAN DATUK SHARIFFA SABRINA SYED AKIL
PRESIDENT
PEKA MALAYSIA
15 OGOS 2019